

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/14\_08 (HQ)

### TNB BUKTI KEUPAYAAN BANGUNKAN LSS DALAM MENYOKONG ASPIRASI NEGARA NEUTRAL KARBON

- Membangun dan mengoperasi dengan cekap dua ladang Solar Berskala Besar (LSS) di Sepang dan Bukit Selambau
- Pelaksanaan LSS mendorong kepakaran teknikal TNB dalam peralihan tenaga serta menentangahkan komitmen ESG

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membuktikan pengalaman dan kepakarannya membangunkan projek tenaga boleh baharu (TBB), khususnya loji tenaga solar melalui keupayaan menjana tenaga Solar Berskala Besar (LSS) sekali gus menyokong aspirasi negara neutral karbon.

Syarikat utiliti itu berjaya menyempurnakan pembangunan dan mengoperasi dengan cekap dua LSS diamanahkan kerajaan di Sepang, Selangor dan Bukit Selambau, Kedah serta sedang rancak membangunkan satu lagi LSS di situ (Selambau) yang dijangka siap menjelang Disember tahun ini.

Ketiga-tiga projek LSS yang diperolehi melalui bidaan terbuka itu, dibangunkan oleh anak syarikat milik penuh TNB, TNB Renewables Sdn Bhd (TRe) dengan LSS2 Bukit Selambau berjaya dimula tugas 114 hari lebih awal pada 8 September 2020, meskipun berdepan cabaran pandemik Covid-19.

Menurut Pengarah Urusan TRe, Mohd Yusrizal Mohd Yusof, LSS Bukit Selambau telah menjana kira-kira 150,000 MWh atau secara purata 3.7% lebih tinggi daripada Kuantiti Tahunan yang Diisytiharkan (Declared Annual Quantity, DAQ).

“Jumlah tenaga boleh baharu yang dijana ini dapat menampung permintaan tenaga bagi lebih kurang 30,000 buah rumah setiap hari,” katanya kepada para wartawan sempena lawatan media ke tapak projek LSS berkenaan pada 14 Februari 2023.

LSS Bukit Selambau dengan kapasiti 30MW di kawasan seluas 50 hektar merangkumi pemasangan 134,880 panel solar fotovoltaik, menjadi satu daripada mercu tanda keupayaan TNB melaksanakan projek LSS dalam menyokong aspirasi negara ke arah kelestarian alam.

TNB mula mendapat kepercayaan Suruhanjaya Tenaga (ST) apabila menjayakan pembangunan LSS1 di Sepang dengan kapasiti 50MW yang mula beroperasi pada 23 November 2018. Pada 2021, TNB melalui TRe memenangi bidaan untuk membangunkan LSS ketiganya berkapasiti 50MW, juga di Bukit Selambau.

Mohd Yusrizal berkata, pelaksanaan LSS dalam industri elektrik negara mendorong kepakaran teknikal TNB dalam peralihan tenaga serta mengetengahkan komitmen TNB terhadap agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Katanya, pengoperasian LSS Sepang dan Bukit Selambau telah menghindari pelepasan kira-kira 89,400 tan karbon dioksida setahun, bersamaan penyerapan 2,106 batang pokok atau pemanduan 22,245 kenderaan berkuasa petrol dalam tempoh sama.

“Ini mengukuhkan lagi peranan sebagai peneraju peralihan tenaga negara, dalam usaha meningkatkan peluang kepada rakyat dan negara untuk menikmati bekalan tenaga bersih dan berdaya harap.

“Dengan pengalaman dan kepakaran yang kami miliki, TRe semestinya ingin menjadi sebuah syarikat perintis yang menjadi tunjang utama pembangunan TBB di Malaysia. Kejayaan pembangunan projek LSS amat penting untuk memastikan kapasiti TBB dapat ditingkatkan,” katanya.

TNB telah menyasarkan untuk mencapai 8,300MW kapasiti pada 2025 (termasuk projek hidro besar), komited untuk menurunkan 35% intensiti pelepasan karbon pada 2035 dalam usaha mencapai karbon sifar menjelang 2050.

Komitmen ini menterjemahkan sokongan TNB kepada aspirasi negara dalam meningkatkan penjanaan TBB dengan kapasiti terpasang kepada 31% pada 2025 dan 40% pada 2035.

Sejak Reimagining TNB dilancarkan pada 2016, TNB telah melabur besar-besaran dalam inisiatif TBB untuk menyumbang ke arah penjanaan rendah karbon tempatan dan peluang lain di peringkat antarabangsa, dengan amalan berpaksikan ESG dalam perniagaan dan membuat keputusan.

**Dikeluarkan di Bukit Selambau, Kedah pada 14 Februari 2023 jam 4:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



TNB mula mendapat kepercayaan Suruhanjaya Tenaga (ST) apabila menjayakan pembangunan LSS1 di Sepang dengan kapasiti 50MW yang mula beroperasi pada 23 November 2018. Manakala LSS2 Bukit Selambau (30MW) berjaya dimula tugas 114 hari lebih awal pada 8 September 2020, meskipun berdepan cabaran pandemik Covid-19. Pada 2021, TNB melalui anak syarikat milik penuh TNB, TNB Renewables Sdn Bhd (TRE) memenangi bidaan untuk membangunkan LSS ketiganya berkapasiti 50MW, juga di Bukit Selambau yang dijangka siap menjelang Disember tahun ini dalam menyokong aspirasi negara ke arah kelestarian alam.